

Jaga alam sekitar harus jadi rutin harian

SH 10/3/2010 T 20



● Penuntut UMT menghasilkan lukisan mural bertemakan alam sekitar pada dinding SK Tanjung Gelam ketika menjayakan Program Sukarelawan Alam Sekitar 2010.

NORADILA MAHAMAD

KUALA NERUS - Kesedaran mengenai alam sekitar dititikberatkan dalam kalangan penuntut dan murid sebagai usaha mengekalkan iklim agar berada dalam keadaan seimbang.

Sehubungan itu, Kelab Teknologi Alam Sekitar (ENTECH), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mengadakan Program Sukarelawan

Alam Sekitar 2010 di Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Gelam untuk menjalankan kerja pemuliharaan alam sekitar.

Pengarah program, Mohd Izwan Zariq Mokhtar berkata, kesedaran mengenai kepentingan memulihara alam sekitar perlu diterapkan kepada masyarakat dan murid sejak awal lagi.

"Murid harus tahu kepentingan menjaga alam sekitar kerana mere-

ka dapat mempraktikkan amalan ini sejak kecil dan dijadikan sebahagian rutin harian bagi mengekalkan pemuliharaan alam sekitar," katanya.

Menurutnya, pelbagai program dilaksanakan 50 ahli kelab berkenaan bagi menceriakan suasana sekolah dengan bertemakan 'Memulihara Alam Sekitar' di kawasan sekolah terbabit.

"ENTECH adalah kelab yang



● Penuntut dan murid saling bekerjasama menanam pokok pada Program Sukarelawan Alam Sekitar 2010 yang berlangsung di SK Tanjung Gelam.

mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan penuntut UMT dan dinobatkan sebagai Kelab Akademik Terbaik selama dua tahun berturut-turut sejak 2008.

"Tahun ini juga, kami berusaha memastikan kelab ini menjadi yang terbaik dan dapat menabur bakti kepada masyarakat dengan pelbagai program berkaitan kesedaran menjaga alam sekitar," katanya kepada Sinar Harian.

Sementara itu, Ketua Jabatan Sains Kejuruteraan Alam Sekitar, Dr Mohd Zamri Ibrahim berkata, dengan mengadakan program berkenaan, secara tidak langsung membantu membuka mata masyarakat mengenai peranan penuntut UMT yang bukan tertumpu kepada akademik semata-mata, sebaliknya mereka juga terbabit secara langsung dalam aktiviti kemasyarakatan.